

**NO SOALAN :12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
(LEMBAH PANTAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.07.2017**

**Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ LEMBAH PANTAI ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) jumlah kes pengubahan wang haram melibatkan syarikat Malaysia, bilangan kertas siasatan yang dibuka dan tindakan diambil dari tahun 2010 hingga Mei 2017; dan

(b) adakah Kerajaan berhasrat meminda Akta 613 dalam memperkukuhkan institusi kewangan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2013 sehingga 2016, terdapat 1,043 kertas siasatan yang telah dibuka di bawah

AMLATFA oleh agensi-agensi yang berkaitan, yang mana sebanyak 145 kes telah dihadapkan ke mahkamah. Status kes-kes tersebut adalah seperti dalam jadual berikut :

Status		Jumlah Kes
Dituduh di Mahkamah	Disabitkan kesalahan	61
	Dilepaskan tanpa dibebaskan	10
	Masih dalam perbincangan	41
	Ditarik balik	4
	Dibebaskan	29
	<b>Jumlah</b>	<b>145</b>

Kes-kes kesalahan pengubahan wang haram melibatkan pelbagai agensi dan ianya tertakluk di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFA). Agensi yang terlibat adalah seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Agensi Penguatkuasaan Labuan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Buat masa ini, tiada keperluan untuk meminda Akta 613 (AMLATFA)

memandangkan pindaan baru sahaja dibuat oleh Parlimen pada tahun 2014 dan telah berkuat kuasa pada 1 September 2014. Matlamat pindaan tersebut antara lain adalah untuk memperkukuhkan langkah-langkah penguatkuasaan dan kuasa penyiasatan agensi penguatkuasa, sekaligus dapat meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh semua agensi yang terlibat.

Selain itu, kesalahan berat yang disenaraikan di dalam Jadual Kedua AMLATFA sentiasa diteliti dan disemak serta ditambah dari masa ke semasa berdasarkan kepada keperluan. Setakat ini, terdapat 398 kesalahan berat daripada 48 akta perundangan yang telah disenaraikan di bawah jadual tersebut. Dalam masa yang sama, kerajaan komited dalam memastikan peruntukan-peruntukan di bawah AMLATFA adalah selaras dengan piawaian antarabangsa dan memenuhi keperluan agensi penguatkuasa pada setiap masa.